

U GB 06-11 00205 PW073

bah dem

Mahathir - Islam

UMNO 'TIDAK FANATIK DALAM SOAL ISLAM, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menguilingi pendirian UMNO bahawa parti itu tidak akan menjadi sebuah parti yang fanatik dan akan bersikap sederhana serta pragmatik dalam soal Islam.

Sambil menekankan bahawa UMNO tetap berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar, ia akan terus berusaha mengimbangi dunia dan akhirat sesuai dengan ajaran Islam itu sendiri yang memberi kelonggaran dalam semua tuntutan.

+Kesederhanaan adalah cara yang dituntut yang boleh menyelamatkan, mengembang dan memperkuatkan umat Islam,+ ujar beliau ketika berucap kepada lebih 1,700 perwakilan pada majlis perasmian Perhimpunan Agung UMNO 1992 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Daian ucapannya yang bertemakan +Ke Arah Meningkatkan Maruah Bangsa+, Dr Mahathir menegaskan UMNO akan bersahabat, dan bekerjasama dengan orang bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan orang Islam.

Sambil merujuk kepada keanggotaan beberapa orang bukan Islam daripada Sabah, beliau berkata penerimaan orang bukan Islam ke dalam UMNO tidak akan menjejaskan perjuangan parti itu untuk Islam kerana +ini bukanlah kali pertama orang Islam berganding bahu dengan bukan Islam untuk ni capai sesuatu matlamat yang mulia+. -- Lagi

▼06/11/09-45MST

UGB 06-11 00150 PW075

bah dem

Mahathir - Islam 2 Kuala Lumpur

Menurut beliau, +fanatisme+ bukan sebahagian daripada ajaran Islam bahkan +fanatisme+, yang boleh meletakkan orang Islam dan agama Islam dalam keadaan bahaya dan mungkin musnah, adalah bertentangan dengan ajaran Islam.

Beliau juga membidas golongan yang menentang Wawasan 2020 dengan menumpu kepada wawasan akhirat semata-mata dan menyifatkan perbuatan golongan itu menghalang orang Islam daripada mencapai kejayaan di dunia.

+Wawasan 2020 bukan sahaja secocok dengan agama Islam tetapi sebenarnya adalah untuk memelihara dan memajukan agama Islam,+ katanya sambil menambah bahawa UMNO akan berjuang untuk menjayakan wawasan itu sebagai sebahagian daripada perjuangannya untuk Islam.

Dr Mahathir berkata umat Islam masih mempunyai kemampuan untuk membangunkan semulamadun yang tinggi seperti yang pernah 'dikecapi pada zaman kegemilangan Islam.

Pada zaman itu, mereka berupaya menguasai ilmu akhirat, ilmu sains, perubatan, pentadbiran, undang-undang, pertahanan; pelayaran dan sebagainya, katanya. -- Lagi

▼06/11/09-48MST

+Kemampuan ini masih ada di kalangan umat Islam. Hanya yang diperlukan ialah mereka dibebaskan daripada belenggu ajaran yang menekankan akhirat tanpa diimbangi dengan tekanan terhadap kebhdhagiaan di dunia,+ tegas beliau.

Dr Mahathir dukacita dengan sikap golongan yang mementingkan wawasan akhirat semata-mata yang ketawa'dan mempermainkan cita-cita Malaysia untuk menjadi satu kuasa dunia yang berupaya menolong orang Islam yang ditindas, seperti di Bosnia.

+Mereka lebih rela melihat orang Islam mati kebuluran atau disembelih oleh musuh daripada berusaha melengkapkan diri untuk membela umat Islam, dan umat manusia,+ katanya.

Beliau berkata golongan itu sanggup membiarkan umat Islam lemah, mundur, tidak berpengetahuan, ditindas, diseksa dan dihina walaupun mereka sendiri mengejar kestelesaan hidup dan kuasa di dunia.

Bagi golongan itu, katanya, ilmu pengetahuan dihadkan kepada tafsiran dan hukum-hukum agama yang dipilih khas oleh mereka manakala ilmu-ilmu' yang lain ditakrif sebagai sekular dan tidak harus dikejar.

+Sebab itulah maka hari ini orang Islam bukan sahaja berpuak-puak dan bermusuhan sesama sendiri, tetapi mereka juga begitu jahil tentang ajaran Islam yang sebenar dan dalam ilmu-ilmu yang diperlukan bagi membangun, mempertahankan dan menyelamatkan orang Islam,+ katanya. -- Lagi

CNS9734

U GB 06-11 00191' PW080.

bah dem

Mahathir - Islam"4 Kuala Lumpur

Presiden UMNO itu menegaskan bahawa segala malapetaka yang sedang menimpa umat Islam di seluruh dunia bukan berpunca daripada agama Islam itu sendiri tetapi kecenderungan orang tertentu yang mentafsirkan agama Islam : mengikut kepentingan diri tanpa berpegang kepada ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad'.

+Walaupun agama Islam yang diwaliyukan kepada Nabi Muhammad, hanya satu, ia sudah tidak menjadi satu lagi hari ini kerana bermacam-macam kepercayaan dan a jaran yang dibawa oleh orang tertentu sudah membahagi-bahagikan Islam kepada berpuluh-puluh bentuk kepercayaan yang kerap kali bertentangan antara satu sania lain,+ katanya.

Beliau mdngingatkan, yang dimaksudkan puak Assabiyah ialah mereka yang terlalu mengutamakan suku kaum atau puak sehingga tidak adalagikesetiaan kepada umat Islam, atau agama .

+Apabila mereka sudah setia kepada seseorang pemimpin atau sesuatu kumpulan politik, mereka tidak lagi menyoal balik buruk atau betul-salahnya seseorang itu atau sesuatu yang dilakukan oleh pemimpin atau kumpulan mereka,+ kata Dr Mahathir.

Golongan itu, katanya, memihak dan bersetia kepada pemimpin dan kumpulan mereka secara membutatuli, walaupun apa yang dilakukan oleh pemimpin' atau kumpulan itu bertentangan dengan Islam. --- Lagi

▼06/11/09-59MST

U GB 06-11 00109 PW081

bah dem

Mahathir - Islam 5 (Akhir) Kuala Lumpur

+Inilah golongan Assabiyah yang dibentuk oleh orang tertentu untuk menjayakan ci ta-ci ta sendiri. Bahawa pengwujudan kumpulan Assabiyah ini adalah bertentangan, 'dengan a jaran Islam sertamemecah dan' melemahkan umat Islam tidak dihiraukan oleh mereka,+ katanya.

Menurut Dr Mahathir, golongan itu dengan mudah mengkafirkan orang Islam yang menentang mereka dan dengan sewenang-wenang pula mencemar kemuliaan masjid untuk menyebarkan dakyah kumpulan mereka.

Beliau mengakui memang dalam Islam politik tidak boleh diasinyakan daripada agama +tetapi yang dimaksudkan ialah politik Islam, bukan politik parti yang menyutamakan kumpulan dan matlamat pemimpin tertentn iaitu politik Assabiyah.+  
-- Bernama

▼06/11/10-01MST